

PERANAN AHLI TERAPI KELOMPOK MENGIKUT VISI SEJAGAT DAN VISI TERAPUTIK*

MOHAMMAD HAJI-YUSUF

SYNOPSIS

This article tries to delineate views from two leading theorists in group dynamics regarding three components in any group activity: the therapists, the members of the group, and the group itself. Both views stem from two different orientations which in turn are visualized into two different visions about group. Not only structural but also processual aspects relevant to group activity are discussed. Integration of the two views wherever relevant is expected to benefit group therapists.

SINOPSIS

Kertas ini cuba memperincikan pandangan daripada dua orang tokoh dinamiks kelompok berhubung dengan tiga komponen dalam sesuatu kegiatan berkelompok: ahli terapi, para peserta dan kelompok. Kedua-dua pandangan ini bertunjang daripada dua orientasi berbeza yang selanjutnya menghasilkan dua visi yang berlainan mengenai kelompok. Bukan sahaja aspek strukturnya dibincangkan malah aspek proses juga disentuh. Pengembangan di antara kedua-dua pandangan di tempat-tempat yang sesuai dijangka dapat memberi manfaat kepada para ahli terapi kelompok.

PENGENALAN

Terapi kelompok sudah mula diperbincangkan di kalangan para kaunselor walaupun mereka menamakannya sebagai kaunseling kelompok. Juga sudah disedari perihal pentingnya para ahli kaunseling/terapi kelompok memahami prinsip-prinsip struktur dan di-

*Penggunaan konsep terapi dalam artikel ini bertujuan untuk melahirkan konteks yang lebih luas meliputi antara lain aktiviti kaunseling. Sasaran artikel ini bukan sekadar untuk para kaunselor sahaja malah melingkupi setiap para praktik yang menjalankan fungsi memimpin dan memandu dalam konteks kelompok. Oleh itu pemakaian konsep terapi dirasakan lebih sesuai di sini.

namiks kelompok kecil. Namun demikian, pengembangan keduanya bidang ini dalam diri seorang ahli saja adalah jarang-jarang sekali berlaku. Apa yang kerap terdapat ialah keadaan di mana seorang itu adalah ahli dalam satu bidang dan hanya mempunyai ‘working knowledge’ dalam bidang yang lain. Artikel ini membincangkan dua orang ahli teori – Bales dan Bion – sebagai satu usaha untuk mengenangkan prinsip yang cuba membincangkan keduanya bidang yang disebutkan di atas secara serentak. Bukanlah tujuan utama artikel ini untuk mengulas secara terperinci teori-teori yang dikemukakan oleh kedua-dua tokoh ini (lihat Aminuddin Mohd. Yusuf 1981; Mohammad Haji-Yusuf 1985) walaupun pemahaman mengenai keduanya kerangka teoretik ini sememangnya paling penting dan menjadi sebagai prasyarat untuk memahami tajuk perbincangan dalam artikel ini.

Robert Freed Bales merupakan pengasas mazhab kelompok kecil dan menganalisisnya dari perspektif proses interaksi manakala Wilfred Bion pula ialah seorang ahli terapi yang berminat melihat efikasi terapeutik sesuatu kelompok itu. Walaupun berbeza orientasinya, kedua-dua ahli teori ini mempunyai satu persamaan iaitu dari segi penerapan terapi dalam kelompok. Perlu juga dinyatakan bahawa bagi Bales, ahli terapi itu serupa juga peranannya dengan ibubapa, guru atau apa saja bentuk pemimpin. Oleh yang demikian, perbincangan mengenai peranan ahli terapi ini boleh juga dimanfaatkan bersama oleh mereka yang dianggap mempunyai peranan yang selari.

ROBERT FREED BALES

Walaupun Bales bukan merupakan seorang ahli terapi kelompok, teori lapangan pelbagai tahap (TLPT) yang dikemukakan oleh beliau itu mempunyai relevans bagi memahami modaliti rawatan kelompok (Bales & Cohen 1979; Mohammad Haji-Yusuf 1985). Di bawah ini dibentangkan pandangan Bales mengenai cara ahli terapi sepatutnya berfungsi serta perbincangan beliau mengenai isu terapi dalam kelompok.

PERANAN MASA DALAM PENILAIAN DIAGNOSTIK

Dalam bidang diagnosis, Bales membincangkan isu ahli terapi dan ahli-ahli kelompok yang menggunakan pertimbangan nilai dinyatakan dalam hipotesis. Hipotesis ini pula diterapkan sebagai cumpurtangan ahli terapi untuk melahirkan wawasan (*insight*) dan perubahan di kalangan ahli kelompok. Dalam usaha inilah Bales

melihat kesignifikanan masa lampau dalam membentuk penilaian diagnostik bagi individu dan kelompok. Beliau mendapati:

... bagi tujuan praktik, kita mempelajari intisari masalampau untuk menelaah perkara-perkara yang mungkin berlaku di masadepan. Kita memerlukan satu cara untuk menggunakan penerangan yang ada supaya dapat melahirkan satu konsepsi yang boleh membantu kita meramal kejadian-kejadian yang akan berlaku dalam kelompok, membantu kita bertindak menghindari kejadian-kejadian yang tidak diingini, membantu mengenali-pasti masalah semasa dan seterusnya mengatasinya ataupun membantu melahirkan kejadian-kejadian yang diingini (1979: 36).

Beliau mengemukakan kenyataan bahawa persepsi kendiri dan persepsi para ahli terhadap orang lain melahirkan satu pola yang stabil, satu pola yang dapat membantu ahli terapi memahami masalampau dan meramal masadepan. Ahli terapi diarah supaya menggalakkan kelahiran pola sementara berdasarkan imej yang sementara juga guna untuk mengubah atau mengubahsuai sesuatu pola yang teruk dan membinasakan. Pola-pola baru lazimnya membantu dan memperkuatkannya antara satu sama lain. Proses ini akan memperkembangkan satu pola individu atau kelompok yang dapat membantu ahli terapi meramal sesuatu, sehinggalah pola itu digantikan dengan pola baru yang lain pula.

Terdapat beberapa cara ahli terapi meramal jenis-jenis imejeri dan kesannya ke atas kelompok (1979: 108). Dalam sesuatu kelompok terapi, memang terdapat banyak penerangan kritikal mengenai sejarah hidup dan keadaan semasa para ahli. Oleh yang demikian, sesungguhnya ialah imej-imej itu begitu penting kepada individu dalam kelompok atau kepada kelompok secara keseluruhannya. Dalam interaksi pelbagai tahap seperti yang dikemukakan oleh Bales, ahli terapi mesti bergantung kepada apa saja yang terfikir untuk mengetahui apa yang telah diperkatakan oleh seorang ahli, apa yang telah dilakukan, dan bagaimana isi imej-imej itu jika dibandingkan dengan isi imej-imej sebelumnya. Sifat ini menunjukkan perlunya ada keupayaan intuitif dalam diri ahli terapi semasa membuat diagnosis. Bagi Bales, sebahagian besar kemahiran ahli terapi menjadi orang perantaraan dan pentafsir bergantung kepada penelitian dan penilaian diagnostik yang dibuat ke atas imejeri-imejeri para ahli, dan juga kebolehan mengkonsepsikan komponen-komponen sepunya bagi imejeri kelompok pula. Satu dinamik penting dalam teori praktik Bales ialah pemahaman ahli terapi mengenai cara individu membentuk dan mengubah konsep kendiri mereka, selain dari konsep terhadap masalah mereka dan orang lain, dengan cara mengingat kembali dan menggabungkan imejeri-imejeri menerusi tingkahlaku dan pernyataan sikap. Hal ini pula selari dengan cara memahami proses penciptaan norma dan

penciptaan kejelekutan (*cohesiveness*) dalam kelompok, iaitu menerusi cara mengingat kembali dan menggabungkan imej-imejera itu.

EMPATI

Bales menyedari bahawa setiap individu dalam kelompok mempunyai persepsi subjektif yang berbeza-beza antara satu sama lain mengenai kelompok itu. Ahli terapi pula perlu memahami persepsi-persepsi ini untuk memahami tingkahlaku individu. Persepsi-persepsi individu yang berbeza ini dilihat oleh ahli terapi dari tingkahlaku yang nyata dan retrospektif. Dengan ini Bales merasakan perlunya ahli terapi itu meletakkan dirinya ke dalam peranan atau tempat setiap ahli kelompok itu. Peranan imejera ini sepertimana yang dicadangkan oleh Cooley dan Mead dapat menghasilkan wawasan yang berguna untuk membantu ahli terapi memahami situasi yang akan mempengaruhi diagnosisnya kelak. Ia juga dapat membantu proses pengingatan, pengenalan, wawasan dan membolehkan ahli terapi membezakan persepsinya sendiri dari anggaran yang berdasarkan kejadian sebenarnya.

PERLUNYA PEMBEZAAN PERANAN

Peranan ahli terapi dikenalpasti dengan sikap dan tingkahlaku dominan, berbaik-baik dan instrumental. Tanggungjawab utama ahli terapi ialah membantu ahli-ahli individu dan kelompok supaya lebih memahami kedudukan nilai dan konflik mereka dengan memberi nasihat dan arahan supaya menuju kepada kajian dan analisis kendiri. Ahli terapi mengarah ahli-ahli individu dan kelompok supaya menggunakan cara-cara kognitif yang intelektual dalam menyelesaikan konflik dan masalah mereka.

Dari teori SYMLOG (satu lagi akronim bagi TLPT dan pengalaman praktik Bales, beliau berpendapat bahawa tidaklah berfaedah bagi ahli terapi kelompok mempunyai imej kendiri yang ekstrim atau tetap, atau menkonsepsikan peranan dalam satu dimensi sahaja. Bales membuat komen bahawa hal sedemikian inilah yang terdapat dalam psikoanalisis, terapi tidak langsung cara Rogers, terapi tingkahlaku rasional emosi, dan terapi gestalt (1979: 106). Gaya kepemimpinan yang tetap dan tidak membolehkan perubahan, tidak dapat memenuhi kehendak-kehendak kelompok. Oleh yang demikian, mengikut Bales, ciri ini adalah bertentangan dengan cara terapi.

Dalam kajilidikan beliau mengenai pembenzaan peranan, Bales merasakan bahawa seorang ahli terapi yang berjaya mestilah

mempunyai minat dalam pencapaian tugas dan perpaduan kelompok. Ahli terapi boleh membenarkan seorang rakan ahli terapi lain atau ahli kelompok mengambil salah satu daripada peranan ini tetapi ini adalah tanggungjawab beliau (ahli terapi) untuk mempastikan bahawa peranan-peranan itu berfungsi dalam kelompok itu. Lazimnya fungsi sosio-emosional boleh dipindahkan kepada seorang ahli kelompok melalui galakan hubungan kelompok secara positif. Lokasi strategik bagi ahli terapi adalah saling berhubungan dengan kehendak para ahli khususnya yang menggambarkan pencapaian tugas dan penghasilan suasana persahabatan.

TAFSIRAN TRANSFERENS

Dalam mengenali imejeri dan tahap-tahap taksedar, Bales menyatakan bahawa tafsiran transferens kepada individu tertentu, kelompok kecil, atau keseluruhan kelompok merupakan komponen yang kritikal bagi ahli terapi. Pengetahuan mengenai sejarah hidup dan situasi kehidupan harian membolehkan ahli terapi membuat tafsiran transferens yang lebih mendalam dan akan memberi keuntungan kepada proses terapi keseluruhannya (1979: 106). Walaupun tafsiran transferens dianggap oleh Bales sebagai menghasilkan pemahaman yang lebih mengenai motivasi individu, beliau tidak pula menerangkan apa yang dimaksudkan sebenarnya oleh proses ini atau apa sebenarnya yang dilakukan. Seolah-olah terdapat satu jangkaan terhadap para pembaca supaya sudah memahami psikoanalisis atau teknik psikodinamik.

MEMAHAMI PERINGKAT PERKEMBANGAN DALAM KELOMPOK

Bales juga menekankan peranan dan pemahaman ahli terapi dalam melahirkan tahap-tahap tingkahlaku yang afektif dan mesra. Beliau menulis:

Dalam kes penyelesaian masalah yang normal, ahli-ahli kelompok ini, selepas tahap yang melibatkan tingkahlaku terkawal secara instrumental — prestasi tugas — akan mengalami satu keadaan yang memperlihatkan nisbah kos yang tinggi jika dibandingkan dengan pulangannya. Hasilnya, mereka akan memperlihatkan arah-arah yang Tidak Berbaik-Baik (Negatif) dan Emosi Ekspresif (Kebelakang) (lihat Bales & Strodtbeck 1951). Dari titik ini, adalah perlu (mengikut pandangan saya) bagi pemimpin mengalihkan pergerakan kelompok, setelah beberapa ketika yang sesuai berlalu, dan membawa tingkah-laku dan imejeri kelompok kepada arah Positif atau Berbaik-Baik. Selepas beberapa ketika para ahli berada dalam tahap menyatukan semula perasaan positif sesama mereka, satu lagi tahap Kawalan secara Instrumental (menuju ke arah kehadapan) akan bermula lagi (1979: 107).

Bales menganggap perkembangan menuju penyatuan ini sebagai satu peringkat yang optimal. Ahli terapi membantu para ahli kelompok menyedari bahawa tahap-tahap kerja yang

berkesan akan sampai ke kemuncak dan kemudian mengalami masa lesu dan kesabaran menghadapi kekecewaan yang rendah. Selepas itu ahli terapi mesti menyediakan atau menyokong tahap-tahap rehat, main, dan pemulihan yang akan membolehkan para ahli kelompok merasakan bahawa kelompok merupakan tempat yang selamat, mengambil berat tentang mereka dan mempunyai rasa kasih sayang. Sesungguhnya adalah penting bagi ahli terapi membantu para ahli kelompok merasa satu deria kesepunyaan di antara tahap-tahap dalam sesuatu tugas itu. Bagi kelompok-kelompok terapi, satu tahap "R dan R" (rehat dan releksasi) seharusnya membawa kepada satu keadaan di mana para ahli kelompok boleh bertukar-tukar pengalaman, fantasi dan imejeri. Perlu juga disedari bahawa kelompok-kelompok ini tidak boleh terus menetap di tahap ini sahaja kerana tugas seterusnya mesti dijalankan. Biasa juga berlaku keadaan di mana ahli terapi tidak membenarkan tahap pemulihan mempengaruhi penyelesaian masalah dan perubahan terapeutik. Kelompok itu memerlukan bimbingan dari ahli terapi untuk menganalisis imejeri dan kejadian yang telah berlaku supaya dapat digunakan secara berfaedah untuk perkembangan wawasan dan kesedaran individu dan proses kelompok. Dalam TLPT sesi-sesi kelompok, peringkat perkembangan kelompok dan keseluruhan kehidupan kelompok perlu bermula dan berakhir dengan tahap hubungan sosial yang mengandungi jenaka, ketawa, kejelekatan, dan penghormatan. Konsep peringkat optimal dimaksudkan bahawa ahli terapi membantu memperkembangkan norma dan nilai, yang akan diselang-selikan di antara tahap-tahap tugas dan perkongsian secara jeleket.

POLARISASI DAN PENYATUAN DALAM KELOMPOK

Satu lagi fungsi utama ahli terapi mengikut sistem Bales ini ialah mengenalpasti pola-pola polarisasi dan penyatuan yang berlaku dalam kelompok termasuklah kelompok kecil, ahli yang dominan dan peserta paling pasif. Dalam teori Bales, kedua-dua pola ini merupakan pemerhatian fenomena yang kritikal. Kedua-dua pola ini susah hendak ditentang dan diselesaikan secara terus tanpa usaha gigih dan langsung dari ahli terapi sendiri. Dengan adanya campurtangan yang strategik, yang tidak diperincikan oleh Bales, ahli terapi boleh memungkinkan perubahan yang kecil dalam pola-pola ini tetapi membawa akibat perbezaan yang besar dari segi hasil terapeutik kepada ahli-ahli kelompok itu. Ahli terapi perlu mengetahui apa pola yang hendak diubah dan bagaimana melakukannya, di samping mengetahui pola mana pula yang tidak boleh dicampurtangani. Walaupun teknik praktiknya tidak ditentukan,

Bales menyuruh ahli terapi memperkembangkan satu pemahaman diagnostik mengenai polarisasi dan penyatuan dan menyediakan satu rancangan rawatan yang realistik untuk menyelesaikannya.

Dari awal interaksi kelompok, Bales berpendapat bahawa ahli terapi sepatutnya sudah bersedia berhadapan dengan kedua-dua pola yang mempunyai probabiliti kewujudan yang agak tinggi. Ahli terapi perlu membina satu ‘teori’ mengenai polarisasi dan penyatuan bagi sesuatu kelompok untuk mempekapannya kepada tingkahlaku yang disampaikan, sikap dan imejeri. ‘Teori’ ini, atau dalam istilah klinikal dinamakan diagnosis atau rancangan rawatan, membolehkan anggaran lebih baik dibuat mengenai masa mentafsir yang akan boleh dipercayai dan berwibawa. Tafsiran yang sesuai dari segi ketepatan dan masa merupakan alat pembubaran paling berkesan kepada polarisasi; lazim juga penggunaan jenaka merupakan alat pembubaran utama dalam kehidupan harian (1979: 72).

Dalam teori SYMLOG, lazimnya seorang ahli terapi tidak mahu menukar pola-pola ini. Polarisasi dalam kelompok menyediakan satu arena untuk pelajaran di samping melahirkan keberuntungan terapeutik dalam forum yang selamat untuk menyelesaikan sengketa antara perseorangan. Fungsi utama ahli terapi ialah untuk mempastikan bahawa tiada seorang ahli pun yang tercedera dan juga menjaga bahawa pola itu tidak menjadi terlalu kuat atau berpanjangan. Ahli terapi menunggu satu detik di mana polarisasi itu menjadi begitu jelas sebelum ia campurtangan untuk menyedari para ahli mengenainya. Tujuan utamanya ialah untuk menahan pembiakan dan membantu para ahli mempelajarinya. Polarisasi perlu dibubarkan tetapi perlu juga dijaga keadaannya supaya tidak menimbulkan tentangan yang tidak diperlukan dari para ahli kelompok. Biasanya, satu teknik paling berkesan ialah dengan mengambil peranan setiap ahli kelompok yang bersengketa dan memberi perhatian kepada tingkahlaku lisan dan bukan lisan, sikap dan imejeri. Ahli terapi perlu membantu ahli kelompok supaya mempunyai pemahaman empati terhadap sesama mereka yang berada di pihak yang berlainan.

Mengenai peranan ahli terapi terhadap ahli yang dominan dan peserta paling pasif, Bales menyatakan bahawa ahli terapi perlu, pada peringkat awal lagi, memastikan penyertaan yang imbang seberapa boleh diwujudkan. Beberapa teknik disebutkan oleh Bales seperti memberi komen tentang reaksi bukan lisan dalam perbincangan kelompok, mengambil masa menghubungkan kejadian atau isi perbincangan dengan penyertaan yang telah dibuat oleh ahli yang paling pasif, atau semasa membuat kesimpulan atau menggulung perbincangan dengan menanyakan pendapat ahli

paling pasif. Di samping itu, perlu juga disedari kemungkinan ahli pasif ini melahirkan satu peranan yang khusus dalam kelompok; dia menjadi begitu bergantung kepada ahli terapi. Hal ini perlu dielakkan. Mengikut Bales, ahli terapi perlu menetapkan satu piawai komunikasi untuk mengatasi masalah ahli yang pasif ini sama ada mengikut cara yang langsung dengan meminta mereka memberi pandangan atau cara tidak langsung dengan menunggu, menggalakkan atau melahirkan apa saja bentuk pengukuhan. Malangnya Bales tidak membincangkan bagaimana ahli terapi boleh menggunakan para ahli lain dalam kelompok atau bagaimana proses kelompok dapat membantu peserta paling pasif menyertai kehidupan kelompok dengan lebih licin lagi.

Berbeza daripada peserta paling pasif, Bales menganggap ahli terapi tidak sepatutnya campurtangan apabila ahli dominan memonopoli kelompok. Peranan ahli terapi dalam keadaan ini ialah untuk menyedarkan para ahli mengenai masalah ini dan menyokong inisiatif para ahli untuk menyelesaiannya. Strategi tanpa campurtangan ini merupakan sebahagian dari tujuan pelajaran dan teraputik kelompok-kelompok terapi dalam usahanya membantu para ahli supaya dapat menyelesaikan konflik antara perseorangan dan dengan ini akan menjadi lebih peka kepada isu-isu interaksi antara perseorangan. Inisiatif para ahli mengatasi fenomena ini digalakkan dan dengan ini ahli terapi mengukuhkan fungsi kedewasaan para ahli dalam kelompok di samping mengelakkan mereka dari terlalu bergantung kepada autoriti, untuk menyelesaikan sengketa.

Pendekatan tak langsung ini berjaya digunakan bagi ahli yang dominan tetapi tidak berjaya dilakukan kepada ahli yang pasif. Berkenaan hal ini, Bales menulis:

Pendekatan (ahli terapi) perlu diubah supaya sesuai dengan personaliti para ahli kelompok dan masa dalam sejarah perkembangan kelompok itu (1979: 60).

Kenyataan di atas menunjukkan penghormatan ahli terapi terhadap integriti dan proses kelompok. Walaupun kelompok terapi itu sama dengan kelompok-kelompok lain dalam banyak segi tetapi ia berbeza dan unik dari segi mementingkan personaliti setiap individu, yang perlu pula disesuaikan dengan personaliti dan kehendak para ahli lainnya. Hanya sebagai tindakan akhir barulah ahli terapi boleh menggunakan autoritinya kepada ahli dominan; Bales menyarankan supaya ahli terapi itu memperlihatkan autoritinya, bersaingan dengan membuat reaksi lebih cepat dari ahli yang dominan itu, mempersempitkan isi yang lebih menarik, atau dengan memberi cara penyelesaian yang lebih bermakna dan berguna terhadap masalah kelompok.

PERANAN PERANTARA

Bales mengkonsepsikan peranan ahli terapi sebagai mengandungi dua aspek: pentafsir dan perantara. Peranan perantara merupakan peranan yang sedikit sekali bermasalah. Peranan ini menyediakan banyak peluang untuk perubahan, sama ada bagi individu atau kelompok, dari segi perkembangan dan perubahan terapeutik dalam membubarkan polarisasi, misalnya. Sebahagian dari peranan perantara ini ialah dengan mengemukakan kepada kelompok kesedaran tentang apa yang sebenarnya berlaku dalam konflik dan menyediakan bimbingan dan penyelesaian membina yang berkekalan. Setengah kelompok memperlihatkan tentangan terhadap usaha ahli terapi untuk menjadi perantara dan reaksi para ahli boleh ditafsirkan dari kacamata transferens. Dalam kelompok terapi yang berjaya, ahli terapi perlu berupaya bertindak di masa-masa yang sesuai sebagai perantara, atau dalam bahasa SYMLOG , ahli terapi perlu bersedia bertindak terhadap keperluan berkala dengan memperlihatkan tingkah laku dominan, berbaik-baik dan emosional (1979: 106).

Sebagai kesimpulannya, didapati Bales membentangkan banyak panduan untuk pemahaman terapeutik dan teoretik dalam sesuatu kelompok dan peranan-peranan ahli terapi dalam kelompok itu. Sedikit benar beliau memberi penjelasan mengenai proses campurtangan, tafsiran dan teknik. Pemusatan peranan ahli terapi ialah pada masakini kelompok itu. Kurang sekali pemerhatian dibuat kepada masalampau, perancangan masadepan, dan masalah realiti dan hubungan luar kelompok.

WILFRED BION

Jika Bales membincangkan kelompok dari visi alam sejagat, Bion pula melihat dan mendekatinya dari visi terapeutik (Mills 1979: 408—410). Yang penting bagi visi terapeutik ini ialah persoalan sama ada individu boleh bersama, berkongsi pengalaman, dan membantu sesama mereka menghadapi masalah personal dan sozial. Bion menkonsepsikan kelompok sebagai berubah bentuk dari keadaan ketergantungan kepada keadaan autonomous. Dengan cara ini, visi terapeutik ini meramalkan teknik psikoanalisis boleh diterapkan kepada latar kelompok selepas membuat beberapa penyesuaian, dan faedahnya akan terasa oleh para ahli kelompok di mana mereka mempunyai kuasa terapeutik untuk membantu sesama mereka.

KELOMPOK ASUMSI ASAS: KESEDARAN, TAFSIRAN DAN PENYELESAIAN

Bion menganggap tugas asas ahli terapi ialah membantu kelompok meninjau ketegangan antara kelompok (Yalom 1970: 132). Beliau menganggap ahli terapi mempunyai kepakaran intuitif dan simpatetik seperti panglima sebuah unit tentera. Namun demikian dalam praktiknya, beliau tidak menunjukkan simpati atau empati kepada individu atau kelompok tapi menggunakananya untuk memahami proses kelompok. Bion mengandaikan kelompok telah bertemu dan mengkaji tingkahlakunya, dan peranan ahli terapi hanya mengemukakan tafsiran terhadap andaian asas seperti ketergantungan, pasangan dan lawan-lari (Mohammad Haji-Yusuf 1985; Aminuddin Mohd. Yusof 1981), yang akan membawa para ahli kepada tahap kesedaran mengenainya dengan tujuan supaya akan lahir tingkahlaku kelompok kerja dan pupusnya kualiti andaian asas yang menghalang itu. Dalam hal ini, pemahaman Bion kelihatan selari dengan psikoanalisis seperti yang terkandung dalam fenomena transferens. Bion menyatakan bahawa jika ahli terapi berkebolehan menjadikan para ahli kelompok sedar akan andaian asas itu maka kelompok itu akan melibatkan dirinya dalam tugasannya dan menyelesaikan masalahnya untuk mencapai kejayaan tugas itu.

Bagi Bion, peranan ahli terapi itu dinyatakan demikian:

Jika ahli terapi bertindak seolah-olah ia menjalankan rawatan individu secara publik maka ia akan merasa bahawa kelompok itu menentangnya dan pesakit yang dirawatinya seolah-olah menentangnya juga. Jika ia mempunyai sifat yang kuat untuk mengelakkan dari kelemahan ini maka beliau akan mendapat kegeraman pesakit-pesakit bukanlah kerana kesusahan peribadinya tidak diberi perhatian tetapi oleh kerana pendedahan masalah yang tidak mahu dibincangkan oleh pesakit, khususnya ciri-cirinya sebagai ahli kelompok, keahlian kelompok, andaian asas dan yang sehubungan (Bion 1959: 80).

Sebenarnya Bion tidak menerima pembentangan masalah oleh ahli kelompok/pesakit sebagai fokus rawatan tetapi lebih menitikberatkan masalah-masalah yang dimanifestasikan dalam keimbangan antara kelompok.

Oleh kerana individu tidak boleh dirawat berasingan dari kelompoknya maka persempahan masalah oleh individu dilihat sebagai satu tentangan kepada usaha terapeutik yang sebenarnya iaitu untuk memahami dan menyedari andaian asas serta keimbangan yang lahir darinya. Para ahli kelompok merasakan bahawa setiap orang mempunyai masalah yang perlu diberi perhatian oleh ahli terapi, walhal ketegangan yang lahir dari keadaan ini menjadi halangan kepada usaha untuk menyelesaikan masalah itu secara berkesan (Kauff 1979: 54). Matlamat terapi kelompok adalah bertentangan dengan campurtangan individu. Hal ini sesuai dengan intipati terapi Bion yang menyatakan bahawa dengan kesedaran

tentang andaian asas dan bekerja melaluiinya, para ahli kelompok boleh menyelesaikan masalah mereka; bahawa andaian asas itulah yang menyebabkan masalah dan menghalang kemampuan individu untuk berubah dan berkembang.

Oleh kerana ahli terapi tidak memberi arahan dan struktur, reaksi ahli kelompok terhadap keadaan tanpa organisasi itu merupakan bahan asas bagi rawatan. Semakin kelompok berkembang, kandungannya boleh didapati dari pengalaman peribadi individu ataupun dari kejadian kelompok. Whitaker dan Thelen menganggap peranan ahli terapi dalam teori Bion seperti berikut:

Tafsiran ahli terapi berfokus kepada dua fenomena: rasa hati kelompok, dan reaksi setiap ahli terhadap situasi kelompok. Impresi yang diperolehi dari artikelnnya ialah Bion menafsirkan kepada kelompok akan keadaan emosi kelompok itu sebaik-baik sahaja ia menyadarinya. Dua ciri utama bagi pendekatan Bion ialah: (1) penekanan kepada tafsiran terhadap kelompok dan bukannya fenomena individu, dan (2) tafsiran yang spontan mengenai situasi kelompok diberikan kepada kelompok (1975: 66).

Yalom pula bersetuju dengan pandangan kedua-dua penulis di atas tadi dan mengatakan bahawa campurtangan ahli terapi merupakan tafsiran yang dibuat mengenai kelompok selepas menyederhanakan perubahan atau sesuatu pola tentang perkembangan kelompok itu. Ahli terapi ala Bion akan sentiasa berhadapan dengan keadaan tidak matang dan permintaan yang tidak realistik dari kelompok andaian asas, yang kemudiannya akan melahirkan wawasan terhadap andaian asas dengan keputusan bahawa mereka akan memilih metod yang lebih realistik, saintifik dan berorientasikan tugas. Yalom mengiktisarkan peranan ahli terapi dalam teori Bion sebagai mendedahkan andaian asas kepada kelompok kerja dalam tiga bidang konflik:

(1) satu kemahanan dalam diri individu untuk mencapai deria utama penglibatan dalam kelompok di samping satu deria kebebasan dari kelompok dengan menyangkal secara total kelompok itu; (2) konflik antara pesakit dan kelompok, kedua-duanya mempunyai tujuan yang berbeza; dan (3) konflik antara kelompok yang berorientasikan kerja dan kelompok yang berorientasikan andaian asas (1970: 134).

Penekanan Bion dalam membuat tafsiran ditumpukan kepada bahan-bahan yang berlaku di tahap taksedar, dan konflik-konflik yang dimanifestasikan kepada kehidupan kelompok masakini sahaja. Had atau batasan campurtangan itu serupa dengan tafsiran transferens dalam teori psikoanalisis (seperti yang disarankan oleh Bales dalam SYMLOG) dan kesemua ini berdasarkan kepada hipotesis bahawa apa sahaja yang dilakukan oleh ahli kelompok itu merupakan satu cara menyatakan kehendak taksedarnya atau kelompoknya untuk melahirkan hubungan dengan ahli lain, keseluruhan kelompok ataupun kepada ahli terapi (Heath & Bacal 1972: 34–35).

Bila-bila sahaja ahli terapi membuat sesuatu tafsiran maka

secara sedar ia mewakili tahap kelompok kerja untuk menyampaikan kepada ahli dan menyedari ahli akan andaian asas serta pentingnya mereka menuju kepada tahap kelompok kerja. Salah satu tugas utama ahli terapi ialah membantu kelompok mencapai pengembalian kelompok kerja melalui wawasan para ahli mengenai andaian asas dan keimbangan regresif sehubungan (*related regressive anxiety*). Ahli terapi tidak boleh menanti sahaja waktu yang sesuai atau unggul untuk membuat tafsiran, atau menunggu sehingga kelompok berada dalam keadaan peralihan; dia perlu menghuraikan apa yang diamatinya khususnya jika kelompok itu mengalami andaian asas. Apabila kelompok bertindak terhadap tafsiran ahli terapi, tidak kira sama ada ia menuju kepada tahap kelompok kerja atau berterusan dalam situasi andaian asas, maka perlu bagi ahli terapi mentafsirkan reaksi kelompok terhadap campurtangan itu.

TRANSFERENS TIMBALBALIK DAN PENGENALPASTIAN PROJEKTIF

Bion mengingatkan ahli terapi kelompok supaya menyedari transferens timbalbalik yang dibangkitkan oleh kelompok, yang dianggapnya lebih berat dan berbagai-bagai pula caranya jika dibandingkan dengan analisis kelompok. Selalu juga berlaku keadaan di mana ahli terapi diperangkap ke kancang permintaan primitif kelompok untuk memberi perhatian kepada individu. Ahli terapi perlu menyedari bahawa ia berada di pihak menerima dalam konteks pengenalpastian projektif (*projective identification*) suatu istilah yang digunakan oleh Klein (Bion 1959: 149). Ahli terapi membuat tafsiran berdasarkan reaksi emosi yang dirasakannya datang dari kekuatan reaksi para ahli sepertimana yang diprojekkan ke atasnya secara taksedar. Satu tugas penting ahli terapi ialah untuk menyedari dan bersedia membezakan antara pengenalpastian projektif dan transferens timbalbalik.

Ahli terapi mesti mengelakkan dari mentafsir pengenalpastian projektif dengan cara yang kompleks; malah ia perlu menghuraikannya kepada kelompok menerusi fakta kelompok yang boleh diperhatikan dan melalui tingkahlaku kelompok. Tanpa melahirkan tentangan yang tidak diperlukan atau regresi yang besar, ahli terapi akan menggunakan dan membawa mekanisme bela-diri kelompok ke tahap kesedaran supaya sejajar dengan kelompok kerja. Selepas tafsiran ahli terapi dibuat, kelompok itu akan memasuki tahap kacau-bilau dan tak-ketahuan sebelum ia boleh berubah bentuk menjadi jeleket. Untuk membantu kelompok keluar dari keadaan ini, ahli terapi akan mendedahkan rasa takut yang tidak rasional terhadap prinsip realiti kelompok kerja

itu. Dalam kebanyakan hal, rasa takut ini berpusat kepada reaksi transferens akibat dari tafsiran ahli terapi itu. Reaksi transferens ini adalah merupakan ciri kelompok andaian asas dan boleh lahir dalam bentuk positif atau negatif.

Keperluan teraputik untuk mentafsir transferens jelas kelihatan bagi kelompok andaian asas — ketergantungan, di mana ahli terapi itu dianggap sebagai “deity” yang maha berkuasa. Ahli terapi perlu mendedahkan permintaan yang tidak munasabah ini dan meminta supaya mereka mewujudkan ketergantungan simbiotik. Dalam tahap andaian asas — lawan lari, ahli terapi mesti menyedarkan kelompok tentang kehendak mereka kepada musuh luar dan peralihan yang akan dibuat untuk mencari ahli yang paranoid sebagai pemimpin apabila ahli terapi enggan menjalankan peranan yang dikehendaki oleh mereka. Ahli terapi mesti cuba mentafsirkan elemen-elemen transferens manakala kelompok mengalihkan kepemimpinan dari ahli terapi kepada seorang ahli yang sakit (tahap andaian asas — ketergantungan), atau ahli yang paranoid atau keliru (tahap andaian asas — lawan lari), atau percaya kepada pembiakan diad (tahap andaian asas — pasangan).

Sebagai iktisar, Bion merasakan nilai terapi kelompok terletak pada tafsiran bahawa andaian asas menghalang perfungsian kelompok kerja (*work group functioning*) secara matang. Tafsiran ahli terapi akan menyedarkan kelompok terhadap mekanisme regresifnya dan membuka jalan menuju kepada pencapaian tugas dan perkembangan identiti kendiri. Ahli terapi perlu mengelakkan diri dari terjerumus ke dalam jurang campurtangan transferens timbalbalik individu dan melayan kehendak regresif kebudak-budakan para ahli.

PERBANDINGAN ANTARA BALES DAN BION: PENILAIAN DAN CADANGAN

Walaupun Bales menyebut secara tidak langsung tentang imbangan kelompok melalui pilihan ahli, kedua-dua ahli teori ini tidak menekankan peranan pengambilan dan komposisi kelompok, walaupun hal ini merupakan tema utama dalam perbendaharaan psikoterapi. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh ruang lingkup Bales yang bekerja dengan mahasiswa yang memilih kursusnya dan pandangan Bion bahawa semua kelompok mengandungi andaian asas dan kelompok kerja yang hanya berbeza dari segi valens dan budaya kelompok sahaja.

Kedua-dua ahli teori ini memusatkan perhatian kepada sikap, tingkahlaku dan imejeri ahli-ahli kelompok masakini. Sejarah masalampau setiap individu dan satu deria peramalan masadepan

diambilkira juga. Namun demikian terdapat satu andaian implisit bahawa sejarah lampau dibawa ke tingkahlaku, sikap dan imejeri kelompok masakini manakala masadepan pula digunakan untuk mencapai matlamat kelompok. Kedua-duanya sedar peri perlunya ahli terapi mengarah perhatian kepada bahan-bahan taksedar, konflik dan mekanisme bela-diri. Selain itu Bales merasakan perlu adanya tafsiran individu, kelompok kecil serta kelompok (visi sejagat), iaitu satu tafsiran yang bertentangan dengan keseluruhan sistem Bion (visi teraputik).

Bagi Bion, arah kelompok hanyalah kepada kelompok. Individu diad dan subkelompok dilihat sebagai mewakili kelompok secara keseluruhan dan tingkahlaku serta imejeri mereka dianggap sebagai hak kelompok. Satu sumbangan penting teori Bales ialah pemahaman dan campurtangan ahli terapi dalam keadaan-keadaan polarisasi dan penyatuan, yang secara langsung akan membawa mereka menghadapi kelompok kecil.

Kedua-dua ahli teori ini menerima fakta bahawa fenomena transferens memang sahih menjadi fokus pentafsiran ahli terapi. Kedua-duanya memahami elemen transferens yang positif dan negatif. Bion mempunyai pandangan bahawa kesemua transferens adalah penting kepada kelompok atau ahli terapi; transferens para ahli kelompok kepada ahli yang lain dilihat sebagai satu peralihan transferens ke sasaran lain dari ahli terapi atau kelompok secara keseluruhannya. Bales juga memahami reaksi transferens kepada ahli kelompok, ahli terapi, kelompok kecil dan keseluruhan kelompok. Bales mengaitkan transferens lebih kepada famili dan peranan famili di mana kelompok membina kembali famili asalnya dan ahli terapi atau ahli lainnya pula memainkan peranan sebagai bapa, ibu, kakak atau abang. Bagi Bion pula transferens famili merupakan hanya satu aspek transferens tetapi tidak sepenting mekanisme regresif dalam psikosis kebudak-budakan seperti bayi membuat kontak dengan susu ibunya. Bales memberi perhatian kepada pengenalpastian dan mendefinisikan konsep transferens dan maknanya kepada para ahli di sesuatu ketika dalam perkembangan kelompok itu. Bion pula menghuraikan transferens secara teoritik dengan menggunakan perspektif Klein. Dalam huraian itu beliau menggunakan konsep falsafah mengenai kehendak-kehendak ketergantungan (*dependency*) kelompok yang primitif, regresif, tidak tercapai dan sepunya. Kedua-dua pandangan ini membayangkan perbezaan asas di antara kedua-dua penyelidik ini: Bales sebagai pendidik dan Bion sebagai ahli teori yang analitik.

Mengenai tranferens timbalbalik, kedua-duanya menerima fenomena ini tanpa memberi penjelasan terperinci. Bion membang-

kitkan isu transferens timbalbalik hanya apabila ahli terapi campurtangan dalam isu individu, dan secara praktiknya adalah susah untuk mendapatkan semua tafsiran individu sebagai melibatkan transferens timbalbalik. Bales tidak membincangkan isu yang sama. Beliau menasihatkan ahli terapi supaya menyedari kehendak, personaliti dan gaya kepemimpinan mereka sendiri. Bion membicarakan tentang ahli terapi menggunakan kendiri dalam pengenalpastian projektif, yang merupakan satu pengembalian kepada tanggapan psikoanalisis bahawa ahli terapi itu hanya berfungsi sebagai tirai transferens. Bales faham tentang cara bagaimana ahli terapi perlu menggunakan personaliti dan gaya kepemimpinannya dalam keadaan yang berbeza-beza untuk memenuhi kehendak kelompok itu. Beliau menumpukan perhatian kepada usaha ahli terapi memandu, menyokong dan mengukuhkan tahap-tahap mainan, persahabatan, pengembalian jeleket dan kejayaan tugas terapeutik dan penyelesaian masalah. Bion pula menyatakan bahawa tahap-tahap pengembalian itu merupakan tahap andaian asas dan ahli terapi tidak sepatutnya jatuh ke kancang personaliti dan kehendak-kehendak para ahli kelompok.

Tanpa disedarinya Bion seolah-olah memperlihatkan peranan ahli terapi sebagai bermusuhan, tanpa empati, tidak mengambil berat dan mengamalkan gaya mekanik. Bion sungguh patuh kepada mazhab psikoanalisis yang menganggap ahli terapi sebagai tirai transferens, mentafsir reaksi transferens para individu terhadapnya manakala dalam kelompok pula melalui pengenalpastian projektif mentafsirkan andaian asas. Penerapan tirai transferens kepada kelompok mungkin tidak berjaya dan merupakan sebab utama teknik terapi kelompok Bion mempunyai nilai praktik yang terhad. Bales pula menerima ahli terapi dengan gaya yang lebih berperi-kemanusiaan dan secara tidak langsung melihatnya sebagai model peranan, model komunikator antara perseorangan dan model bagi identiti kendiri yang tersendiri.

Dengan mempunyai asas dalam teori dan kajilidikan mengenai kelompok kecil, Bales melihat ahli terapi sebagai mempunyai peranan tugas dan sosio-emosi. Pada praktiknya, ahli terapi campurtangan dalam kelompok dengan menggunakan kedua-dua cara: bersahabat dan juga berbaik-baik di samping mementingkan juga aspek tugas dan kerja. Bagi Bion pula peranan ahli terapi hanya dalam kelompok tugas atau dalam fungsi tugas sahaja. Melahirkan rasa persahabatan atau mencipta kejelekatan kelompok adalah satu kesalahan yang terdapat dalam kelompok-kelompok andaian asas sahaja.

Bales memberi perhatian yang teliti dan rapi kepada diagnosis dan rancangan rawatan individu dan kelompok. Beliau merasakan

perlu bagi ahli terapi mengetahui sejarah hidup dan keadaan kehidupan kini dan situasi dunia untuk memahami tingkahlaku, sikap dan imejeri kelompok. Bion pula percaya bahawa setiap ahli membawa bersama-samanya semua mekanisme masalampau dan kebolehan mengekalkan identiti serta pencapaian tugas ke zaman kini. Masalah yang dikemukakan kepada kelompok itu dianggap sebagai tentangan.

Kedua-duanya sedar bahawa kelompok terapi merupakan satu makmal untuk kajian dan analisis kendiri. Di dalamnya terkandung ahli-ahli yang menggunakan tahap perfungsian kognitif yang tinggi serta emosi yang sofistikated. Mungkin, tersirat satu etika kerja atau satu penilaian kelas menengah dalam teori-teori ini. Bagaimana kelompok terapi boleh berfungsi di kalangan ahli-ahli yang emosional, intelektual dan tersingkir dari segi budaya, atau dengan para ahli yang serba kurang dari segi fizikal, emosi dan intelektual, atau dengan para ahli yang datang dari pelbagai latar budaya, masih lagi menjadi tanda tanya. Mungkin menarik agaknya untuk menguji teori-teori ini dalam konteks silang budaya dan dalam konteks ahli-ahli famili yang mempunyai pelbagai masalah.

Kedua-dua ahli teori sedikit sahaja menyebut tentang penyelesaian konflik di kalangan individu, penyelesaian masalah dan hubungan antara perseorangan yang lebih berkesan, walaupun kesemua ini merupakan matlamat sebenar proses terapi dan juga tugas ahli terapi untuk mencapainya. Secara tidak langsung, kedua-dua ahli teori ini melihat terapi sebagai membantu perkembangan ego dan memastikan bahawa prinsip realiti merupakan prinsip dominan dalam perfungsian individu. Di antara kedua-duanya, tidak seorang pun menyebut tentang potensi manusia menjadi kreatif atau artistik, ataupun membincangkan aspek kreatif dalam diri seorang ahli terapi.

RUJUKAN

- Aminuddin Mohd. Yusof 1981. Psikoanalisis kelompok: satu penilaian teoritis dan metodologi ke atas teori dinamik kelompok Wilfred Bion. *Akademika*, 18: 95-114.
- Bales, Robert F. dan Cohen, Stephen P. 1979. *SYMLOG: A System For The Multiple Level Observation of Groups*. The Free Press, New York.
- Bion, W.R. 1959. *Experiences in Groups and Other Papers*. Basic Books, Inc. New York.
- Heath, E.S. dan H.A. Bacal 1972. A Method of Group Psychotherapy at the Tavistock Clinic, dalam *Progress in Groups and Family Therapy*, Clifford J. Sager dan Helen Singer Kaplan (eds.) Brunner/Mazel Publishers. New York.
- Kauff, Priscilla F. 1979. Diversity in Analytic Group Psychotherapy: The Relationship Between Theoretical Concepts and Technique, *International Journal of Group Psychotherapy*, 29: 54.
- Mills, Theodore M. 1979. Changing Paradigms for Studying Human Groups, *The Journal*

- of Applied Behavioral Science*, 15(3): 407-421.
- Mohammad Haji-Yusuf 1985. Teori-Teori Kelompok Bales dan Bion: Satu Perbandingan. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 1: 107-139.
- Whitaker, D.S. dan H.A. Thelen 1975. Emotional Dynamics and Group Culture dalam *Group Psychotherapy and Group Function*, Max Rosenbaum dan Milton Berger (eds.) Basic Books, Inc. New York.
- Yalom, Irvin D. 1970. *The Theory and Practice of Group Psychotherapy*. Basic Books, Inc. New York.

